



## PELANTIKAN



**25 MAC**

Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim dipilih sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi penggal 2017-2021.

**8 JUN**

Legenda badminton negara, Datuk Misbun Sidek diumum sebagai ketua jurulatih perseorangan kebangsaan.

**29 APRIL**

Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria diumum sebagai Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke-72 badan induk itu di Subang Jaya.


**19 SEPTEMBER**

Morten Frost Hansen letak jawatan selaku Pengarah Teknikal BAM.



**30 SEPTEMBER**

Jurulatih beregu lelaki negara, Jeremy Gan tinggalkan BAM.



**15 MEI**

Pengendali dari Portugal, Nelo Vingada dilantik sebagai ketua jurulatih skuad bola sepak kebangsaan.


**6 & 7 DISEMBER**

Gagal mencatat kemenangan dalam tujuh perlawanan mendorong Nelo Vingada meletak jawatan sebagai Ketua Jurulatih Harimau Malaya. Tan Cheng Hoe dilantik menggantikan Vingada.

**31 DISEMBER**

Kontrak Ketua Jurulatih Terjun, Yang Zhuliang tidak disambung biarpun berjaya melahirkan juara dunia dan pemenang pingat Sukan Olimpik.

## UMUM



**1 OKTOBER**

Sukan termahal dunia, Formula Satu (F1) membuat penampilan terakhir di Malaysia selepas 19 tahun. Pemandu muda Red Bull, Max Verstappen menerima penghormatan sebagai juara perlumba finale.


**12 DISEMBER**

Sepak takraw, angkat berat, taekwondo digugurkan daripada program teras Majlis Sukan Negara.

## DOPING

**7, 11, 23 OKTOBER**

Detik hitam terjun negara selepas pemenang emas Sukan SEA, Wendy Ng disahkan gagal ujian doping dan jurulatih terjun, Huang Qiang didakwa atas tuduhan rogol.



**18 DISEMBER**

Penjaga gol skuad hoki kebangsaan, S. Kumar disahkan positif doping.

## MENANG

**12 MAC**

Datuk Lee Chong Wei memenangi kejohanan badminton tertua dunia, All England buat kali keempat di Barclaycard Arena, Birmingham.

**23 JUN**

Skuad hoki lelaki berjaya melayakkan diri ke Piala Dunia 2018 di India.

**24 JULAI**

Skuad muda bimbang Datuk Ong Kim Swee layak secara merit ke Kejohanan AFC (Konfederasi Bola Sepak Asia) Bawah 23 tahun di China, tahun depan.

**10 SEPTEMBER**

Pelumba Moto2 negara, Hafizh Syahrin Abdullah menaiki podium buat kali pertama selaku pelumba tetap setelah menamatkan Grand Prix San Marino di tempat ketiga.



**15 OKTOBER**

Hafizh Syahrin Abdullah mendaki podium Moto2 buat kali kedua musim ini selepas menamatkan Grand Prix Jepun di tangga ketiga.

**22 OKTOBER**

Skuad hoki lelaki muncul naib juara Piala Asia selepas tewas 1-2 kepada India dalam final di Stadium Hoki Nasional Maulana Bhashani, Dhaka.

**9 NOVEMBER**

Skuad bola sepak B-19 negara sah ke Kejohanan AFC B-19 di Indonesia tahun depan.

**4 DISEMBER**

Malaysia raih pingat emas berpasukan wanita dalam Kejohanan Boling Dunia buat kali pertama selepas 10 tahun di Las Vegas, Amerika Syarikat menerusi kombinasi Shalin Zulkifli, Siti Safiyah Abdul Rahman, Sin Li Jane, Syaidatul Afifah Badrul Hamidi dan Natasha Roslan.

**11 & 18 DISEMBER**

Gavin Green mencatat sejarah muncul pemain golf Malaysia pertama memenangi Order of Merit dalam Jelajah Asia, sebelum diumum sebagai Pemain Terbaik Jelajah Asia.



## LAKAR SEJARAH




**10 JANUARI**

Pemain tengah Pulau Pinang, Mohd. Faiz Subri memahat sejarah muncul pemain bola sepak Asia pertama merangkul Anugerah Puscas 2016 FIFA di Zurich, Switzerland.



**13 APRIL**

Azizulhasni Awang melakar sejarah muncul pelumba basikal pertama Malaysia merangkul kejuraan dunia dengan memenangi acara keirin di Hong Kong.




**16 JULAI**

Muhammad Ziyad Zolkefli melakar sejarah meraih emas bersama rekod dunia lontar peluru lelaki F20 (masalah pembelajaran) Kejohanan Olahraga Para Dunia di London.

**17-23 SEPTEMBER**

Malaysia muncul naib juara keseluruhan Sukan Para ASEAN 2017 Kuala Lumpur dengan merangkul 90 pingat emas, 85 perak dan 83 gangsa. Juara milik Indonesia (126 emas).



**18 JULAI**

Khairul Hafiz Jantan pecah rekod 200 meter kebangsaan berusia 18 tahun milik Tan Sri Dr. M Jegathesan dengan catatan 20.90 saat. Rekod lama 20.92s.

**27 OKTOBER**

Cheah Liek Hou merangkul gelaran juara dunia ke-11 dalam kategori SUs (kecatastan anggota bahagian atas) dalam Kejohanan Badminton Dunia di Ulsan, Korea Selatan,



**20 JULAI**

Cheong Jun Hoong dan memahat sejarah terjun negara dengan merangkul kejuraan dunia acara 10 meter platform individu pada Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, Hungary.